

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam Bab 3 ini, penyelidik menyatakan tentang bagaimana kajian ini dilakukan. Ia mengandungi rekabentuk kajian, persampelan, alat kajian yang digunakan, menganalisis data, dan pengekodan terhadap pembolehubah terpilih.

3.2 Rekabentuk kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan kerana, menurut Kerlinger (1970), kaedah ini boleh menguji satu populasi yang besar ataupun kecil dengan memilih dan mengkaji sampel yang dipilih secara rawak daripada populasi tersebut untuk mencari kesan bandingan, taburan dan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah sosiologi dan psikologi.

Pembolehubah sosiologi ialah sifat-sifat individu seperti jantina, umur, pendidikan, pekerjaan dan seumpamanya. Manakala pembolehubah psikologi pula termasuklah sikap, pendapat, tingkahlaku, dan seumpamanya.

Begitu juga dengan **Fox (1986)**, menyatakan bahawa kaedah ini didapati berguna untuk mengukur pendapat, sikap dan tingkah laku. Di samping itu kaedah ini dapat memenuhi tujuan yang ditetapkan serta memenuhi kriteria bagi kesahan dan kebolehpercayaan terhadap satu-satu polisi pentadbiran bagi sesebuah organisasi.

Selain daripada itu, menurut **Sulaiman (1996)**, kaedah tinjauan merupakan kaedah yang biasa digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Ia melibatkan pengumpulan data-data, menjadualkan data-data, membuat interpretasi, membuat perbandingan dan merumus generalisasi.

3.3 Sampel Kajian

Sampel kajian ini adalah guru-guru di dua buah sekolah menengah agama dalam Daerah Sabak Bernam yang dipilih secara persampelan rawak iaitu Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Batu 38, Sabak Bernam dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Simpang Lima, Sungai Besar.

$5+4=$ memuaskan, $3+2=$ agak memuaskan, $1+0=$ tidak memuaskan

iv) Soalan 19 (pembolehubah 47 hingga 78)

$5=$ sangat setuju, $4=$ setuju, $3=$ agak setuju, $2=$ kurang setuju

$1=$ tidak setuju, $0=$ tidak tahu

Dikodkan kepada:

$5+4=$ setuju, $3+2=$ agak setuju, $1+0=$ kurang setuju

Pada pembolehubah atau soalan terbuka, penyelidik telah membuat pengekodan sendiri, iaitu pada item 1, 4, 5, 79, 80, dan 81. Item 23, 24, 37, dan 46, tiada maklumbalas diterima pada item tersebut. Manakala bagi item 15 (jangkamasa/ tahun mula menggunakan komputer), penyelidik terus memasukkan data sebagaimana yang dituliskan oleh responden.

i) Pembolehubah 1:

Nama sekolah (tempat mengajar):

1 : SMKA Simpang Lima, Sungai Besar

2 : SAMTS Salahuddin Abdul Aziz Shah, Batu 38, Sabak Bernam

ii) Pembolehubah 4 dan pembolehubah 5, pengekodannya adalah sama.

Pengkhususan dan Mata Pelajaran diajar sekarang:

1 : Sejarah

2 : Bahasa Inggeris

3 : Sastera

4 : Pengajian Am

5 : Kemahiran Hidup

6 : Bahasa Melayu

sekolah menengah Kementerian Pendidikan dan Jabatan Agama Islam Selangor, bagi sekolah agama Jabatan Agama Islam Selangor.

Sejumlah 69 set soal selidik telah dapat dikumpulkan semula dari kedua-dua sekolah. Menurut **Kerlinger (1973)**, kadar minimum soal selidik yang dikumpulkan atau dipulangkan untuk dianalisis mencukupi hanya sekitar 80%. Ini juga ditegaskan oleh **Brog (1981)**, yang mengatakan bahawa soal selidik minimum yang dikumpulkan untuk membolehkan ia dianalisis bagi mendapatkan maklumat cukup hanya pada kadar 70% sahaja

Data yang telah berjaya dikumpulkan, diproses dan dianalisis oleh penyelidik dengan menggunakan "Statistical Package for The Social Science" (SPSS). Kaedah analisis tertumpu kepada penggunaan statistik deskriptif terutamanya menggunakan jadual kekerapan (frequency) untuk melihat peratusan dan jadual rujuk silang (crosstabs) untuk melihat perhubungan antara pembolehubah-pembolehubah terpilih.

Untuk melihat pertalian atau hubungan yang signifikan, ujian 'Chi-square' dan 'Somers' d' digunakan. Semua tahap signifikan ditentukan pada aras 0.05 ($p<0.05$).

3.6 Pengekodan semula (recode) pembolehubah

Beberapa pembolehubah telah dikodkan semula dengan menggunakan perisian SPSS bertujuan supaya nilai yang ditunjukkan tidak terlalu kecil (berdasarkan data awal). Pembolehubah yang dikodkan ialah pembolehubah 7(item 7), 9(item 9), 11(item 11), 12(item 12), 14(item 14).

i) Item 7

Lama berkhidmat sebagai guru (tahun):

- | | |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> Kurang dari 1 tahun | <input type="checkbox"/> 1-3 tahun |
| <input type="checkbox"/> 4-6 tahun | <input type="checkbox"/> 7-9 tahun |
| <input type="checkbox"/> 10-15 tahun | <input type="checkbox"/> Lebih 15 tahun |

Dikodkan kepada:

- a) Kurang dari 3 tahun
- b) 4-9 tahun
- c) 10-15 ke atas

ii) Item 9

Umur anda sekarang (tahun):

- | | |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> Di bawah 20 tahun | <input type="checkbox"/> 21-25 tahun |
| <input type="checkbox"/> 26-30 tahun | <input type="checkbox"/> 31-35 tahun |
| <input type="checkbox"/> 36-40 tahun | <input type="checkbox"/> 41 tahun ke atas |

Dikodkan kepada:

- a) Kurang dari 30 tahun

- b) 31-40 tahun
- c) 41 tahun ke atas

iii) Item 11

Kelulusan Bahasa Inggeris di peringkat SPM:

- | | |
|------------------------------------|-----------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Cemerlang | <input type="checkbox"/> Kepujian |
| <input type="checkbox"/> Lulus | <input type="checkbox"/> Gagal |

Dikodkan kepada:

- a) Cemerlang + Kepujian + Lulus = Lulus
- b) Gagal

iv) Item 12

Komputer yang anda gunakan:

- | | |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> Milik peribadi | <input type="checkbox"/> Milik teman sekerja |
| <input type="checkbox"/> Milik pejabat sekolah | <input type="checkbox"/> Milik kelab komputer |

Dikodkan kepada:

- a) Milik peribadi
- b) Bukan milik peribadi

v) Item 14

Sejauhmana anda kerap menggunakan komputer?

- | | |
|---------------------------------|--|
| <input type="checkbox"/> Selalu | <input type="checkbox"/> Kadang-kadang |
| <input type="checkbox"/> Jarang | <input type="checkbox"/> Tak pernah |

Dikodkan kepada:

- a) Selalu
- b) Kadang-kadang
- c) Jarang + Tak pernah = Jarang

Pembolehubah yang berbentuk data ordinal, daripada 6 tahap (5, 4, 3, 2, 1, dan 0) telah dikodkan kepada 3 tahap ($5+4=3$, $3+2=2$, $1+0=1$).

- i) Soalan 16 (pembolehubah 16 hingga 22)

$5=$ sangat mahir, $4=$ mahir, $3=$ agak mahir, $2=$ kurang mahir
 $1=$ tidak mahir, $0=$ tidak tahu

Dikodkan kepada:

$5+4=$ mahir, $3+2=$ agak mahir, $1+0=$ tidak mahir

- ii) Soalan 17 (pembolehubah 25 hingga 36)

$5=$ sangat kerap, $4=$ kerap, $3=$ agak kerap, $2=$ jarang-jarang
 $1=$ sangat jarang, $0=$ tidak pernah

Dikodkan kepada:

$5+4=$ kerap, $3+2=$ agak kerap, $1+0=$ jarang-jarang

- iii) Soalan 18 (pembolehubah 38 hingga 45)

$5=$ sangat memuaskan, $4=$ memuaskan, $3=$ agak memuaskan,
 $2=$ kurang memuaskan, $1=$ tidak memuaskan, $0=$ tidak tahu

Dikodkan kepada:

$5+4=$ memuaskan, $3+2=$ agak memuaskan, $1+0=$ tidak memuaskan

- iv) Soalan 19 (pembolehubah 47 hingga 78)

$5=$ sangat setuju, $4=$ setuju, $3=$ agak setuju, $2=$ kurang setuju

$1=$ tidak setuju, $0=$ tidak tahu

Dikodkan kepada:

$5+4=$ setuju, $3+2=$ agak setuju, $1+0=$ kurang setuju

Pada pembolehubah atau soalan terbuka, penyelidik telah membuat pengekodan sendiri, iaitu pada item 1, 4, 5, 79, 80, dan 81. Item 23, 24, 37, dan 46, tiada maklumbalas diterima pada item tersebut. Manakala bagi item 15 (jangkamasa/ tahun mula menggunakan komputer), penyelidik terus memasukkan data sebagaimana yang dituliskan oleh responden.

- i) Pembolehubah 1:

Nama sekolah (tempat mengajar):

1 : SMKA Simpang Lima, Sungai Besar

2 : SAMTS Salahuddin Abdul Aziz Shah, Batu 38, Sabak Bernam

- ii) Pembolehubah 4 dan pembolehubah 5, pengekodannya adalah sama.

Pengkhususan dan Mata Pelajaran diajar sekarang:

1 : Sejarah

2 : Bahasa Inggeris

3 : Sastera

4 : Pengajian Am

5 : Kemahiran Hidup

6 : Bahasa Melayu

7 : Geografi	8 : Matematik
9 : Usuluddin	10 : Bahasa Arab
11 : Pendidikan Islam	12 : Sains
13 : Pengajian Melayu	14 : Sirah
15 : Kimia	16 : Fizik
17 : Perakaunan	18 : Kemahiran Al-Quran
19 : Pendidikan Seni	20 : Pendidikan Jasmani
21 : Biologi	22 : Syari'ah Islamiyyah
23 : Ekonomi	24 : Pedagangan
25 : Hadis	26 : Tauhid
27 : Fekah	28 : Tafsir

iii) Pembolehubah 79 dan 81:

Cadangan memaksimakan penggunaan komputer dan memperbanyak jumlah guru celik komputer:

- 1 : semua guru diberi pendedahan dan menghadiri kursus kemahiran (latihan bersiri)
- 2 : sediakan perisian yang sesuai untuk guru dan pelajar
- 3 : adakan guru pakar komputer dan perisian di sekolah
- 4 : tambah bilangan komputer di sekolah (satu komputer, seorang guru)
- 5 : jadikan mata pelajaran wajib di maktab/ universiti terutama bidang pendidikan

- 6 : perhebatkan kempen penggunaan komputer dan pemantauan celik komputer kepada setiap guru
 - 7 : perancangan pengajaran dan pembelajaran yang selaras
- iv) Pembolehubah 80:

Laman web yang sewajarnya ada:

- 1 : Laman yang Islamik, pelbagai versi – Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab
- 2 : Laman web seumpama TV Pendidikan – boleh dilayari bila-bila masa
- 3 : Laman mestilah bermutu tinggi dan sesuai kepada semua peringkat atau umur pelajar

Bab seterusnya akan memperihalkan tentang analisis dan dapatan-dapatan kajian yang dilakukan.